

**URUSAN PEMBATALAN TAWARAN PELANTIKAN BERDASARKAN PERATURAN 20(5),
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT
DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2012**

1. Didapati tidak sihat setelah diperiksa dan diperakui tidak sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan / atau
2. Tidak mematuhi mana-mana syarat yang disebut dalam perenggan 20(1)(b) iaitu tidak mematuhi syarat-syarat yang terdapat dalam Surat Akuan Sumpah (Akuan Berkanun) di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13]; dan / atau
3. Tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan di dalam Surat Aku Janji iaitu tidak mematuhi Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], Perintah-perintah Am, pekeliling, surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatannya dalam perkhidmatan awam.